

'Lebih ramai ahli Parlimen PN sokong Anwar'

Syed Abu Hussin nafi wujud unsur pujukan, tawaran untuk ubah pendirian

Oleh Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid
bhnews@bh.com.my

Petaling Jaya: Tujuh atau lapan lagi ahli Parlimen daripada Perikatan Nasional (PN) dikatakan sudah menyatakan sokongan mereka kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dakwaan itu dibuat Ahli Parlimen Bukit Gantang, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal yang mendedahkan beberapa lagi ahli Parlimen daripada PN menyatakan sokongan mereka kepada Perdana Menteri.

Beliau mendakwa, kira-kira tujuh atau lapan ahli Parlimen daripada gabungan itu di beberapa negeri akan menyokong Perdana Menteri.

Syed Abu Hussin bagaimana-pun enggan mendedahkan identiti ahli Parlimen berkenaan dan sama ada mereka daripada PAS atau Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU).

"Dulu saya kata ada lima atau enam orang (tetapi) sekarang ini ada tujuh atau lapan orang. Namun saya tak boleh maklumkan di sini.

"Tunggu masa dan lihat, akan ada pengumuman mereka yang menyokong Kerajaan MADANI," katanya pada sidang medianya di Puchong semalam.

Syed Abu Hussin juga mengesahkan sebahagian daripada mereka ini ada yang berhubung dengannya untuk menyatakan sokongan kepada Anwar.


"Ada yang berhubung dengan saya, ada yang berhubung dengan orang lain," katanya.



Beliau dalam pada itu turut menafikan bahawa pengumuman sokongannya sebelum ini kepada Perdana Menteri adalah disebabkan adanya unsur pujukan oleh mana-mana individu.

"Saya sebenarnya tidak dipujuk oleh sesiapa dan tidak ditawarkan apa-apa disebabkan saya faham apa yang patut saya buat.

"Kalau saya tak sokong pun, ada peruntukan untuk kawasan saya. Tetapi saya nak lebih efektif. Saya nak boleh bercakap secara terus terang dengan semua pemimpin di Kementerian untuk membantu kawasan saya.



Syed Abu Hussin Hafiz pada sidang media di kediamannya, di Petaling Jaya, semalam.

(Foto Rohanis Shukri/BH)

"Jadi tidak ada pujuk memujuk ini. Sebab itu saya buat (pengumuman sokongan) secara terbuka. Yang sebelum ini dibuat secara tertutup, tandatangan SD (akuai bersumpah). Saya tak ada tandatangan SD," katanya.

Beliau juga menyatakan bersedia dengan segala tindakan diambil BERSATU kerana menyatakan sokongan kepada kepimpinan Anwar.

Syed Abu Hussin mendakwa, beliau tidak melanggar peraturan BERSATU kerana di dalam perlembagaannya, tidak melarang sesiapa memberikan sokongan kepada mana-mana pihak.

"Apa yang saya buat ini tidak

melanggar perlembagaan parti. Kalau parti nak mengambil tindakan, dia akan bawa ke Jawatankuasa Disiplin.

"Jawatankuasa Disiplin akan memutuskan apa bentuk tindakan disiplin yang boleh diambil (dan) saya bersedia," katanya.

Sebelum ini, lima ahli Parlimen dari BERSATU, termasuk Syed Abu Hussin mengumumkan sokongan kepada Anwar.

Selain Syed Abu Hussin, empat yang lain adalah Zahari Kechik (Jeli), Mohd Azizi Abu Naim (Gua Musang), Datuk Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid (Kuala Kangsar) dan Datuk Dr Suhaili Abdul Rahman (Labuan).